



SUKIPT

UKM, BANGI • 2018

JUMAAT, 9 FEBRUARI 2018

ISSUE 8



Persaingan Semakin GETIR

**UKM, UiTM Sapu
Emas Basikal**

**Pecutan Emas
Universiti Thammasat**



Navinraj, Kirthana Tepat Ramalan

Oleh Abdul Hadi Che Awang

UKM, BANGI - Dua atlet kebangsaan, Navinraj Subramaniam dan Kirthana Ramasamy yang mewakili Universiti Putra Malaysia (UPM) menepati ramalan apabila meraih emas bagi acara lompat tinggi lelaki dan lompat kijing wanita.

Navinraj memenangi pingat emas untuk acara lompat tinggi selepas mencatat lompatan 1.85 meter, mengatasi atlet Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Yeoh Yee Jin dan seorang lagi atlet UPM, Azizul Arif Zulkifli masing-masing untuk pingat perak dan gangsa.

Sementara itu, atlet lompat kijing Sukan Sea Kuala Lumpur 2017, Kirthana tidak berdepan sebarang masalah apabila melakukan lompatan sejauh 12.15 meter mengalahkan wakil Thailand dari Universiti Surrathani Rajabhat, Sonisa Sangthong untuk perak, manakala atlet Universiti Teknologi MARA (UiTM), Nurina Hazirah Shukor meraih gangsa.



Foto oleh Haris Danieal
Nurul Nadzirah Najihah



KEPUTUSAN OLAHRAGA

ACARA	PEMENANG	REKOD
10000M JALAN KAKI (L)	MUHAMMAD KHAIRIL HARITH (UPM)	51 minit 17.44 saat
LOMPAT TINGGI (L)	NAVINRAJ A/L SUBRAMANIAM (UPM)	1.85m
10000M (W)	TEOH KIM CHYI (MSP)	42 minit 30.07 saat
LOMPAT KIJANG (W)	KIRTHANA A/P RAMASAMY (UPM)	12.15m
LONTAR PELURU (W)	BIBI NURAISHAH BT ISHAK (UPM)	11.85m
REJAM LEMBING	MUHAMMAD ASHRAF B. ABU (MSP)	57.19m
400M LARI BERPAGAR (L)	MUHAMMAD FIRDAUS MAZALAN (UM)	54.42 saat
400M LARI BERPAGAR (W)	SAIDATUL IZATI BINTI SUHAIMI (UPM)	66.50 saat (REKOD BAHARU KEJOHANAN)
HEPTATHLON	NORLIYANA BINTI KAMARUDDIN (UPM)	4595 mata (REKOD BAHARU KEJOHANAN)
4X100M LARI BERGANTI (W)	THAMMASAT UNIVERSITY	47.64 saat (REKOD BAHARU KEJOHANAN)
4X100M LARI BERGANTI (L)	THAMMASAT UNIVERSITY	41.00 saat (REKOD BAHARU KEJOHANAN)
3000M LARI BERHALANGAN (W)	TEOH KIM LING (MSP)	12 minit 35.52 saat (REKOD BAHARU KEJOHANAN)
3000M LARI BERHALANGAN (L)	AHMAD LUTH BIN HAMIZAN (UPM)	9 minit 36.95 saat (REKOD BAHARU KEJOHANAN)

Too Fast, THAMMASAT!

By Abdul Hadi Che Awang
Ahmad Ajwad Azman

UKM, BANGI - The 4 x 100 relay team Thammasat University from Bangkok, Thailand reign supreme after dominating the other competitor for the male and women category with speed that's too fast to keep up.

The male relay team from Thammasat were victorious against the representative from Universiti Teknologi MARA (UiTM) and Universiti Putra Malaysia (UPM) when they swoop in and dominate their competitor putting them in their place after recording a tournament record setting time of 41 second.

Thammasat women 4x100 team relay was an eye opener when they also broke the championship record with time of 47.64 second.



Foto oleh Haris Danieal
Nurul Nadzirah Najihah



POLITEKNIK MALAYSIA TERLALU KUAT DI KARATE!

Oleh Adi Samsuri

UKM, BANGI - Politeknik Malaysia muncul kuasa baru acara karate SUKIPT apabila merangkul empat lagi pingat emas untuk keseluruhan lapan pingat emas setelah tamat hari kedua acara karate yang berlangsung di Dewan Tun Abdullah Mohd Salleh, UKM semalam.

Atlet karate Sukan SEA 2017, Pressy Misty Phillip menyumbang emas pertama menerusi acara kumite bawah 68 kilogram dengan menumbangkan juara karate terbuka komanwel 2017, Nastenka Sureshar dari Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).

Seorang lagi jaguh karate kebangsaan, A.Somanroy juga menepati ramalan apabila memenangi emas kedua Politeknik Malaysia apabila memenangi kumite 84kg ke atas dengan menewaskan S.Sharventharan dari Universiti Sains Malaysia (USM).



Foto oleh Adi Samsuri

Pencapaian 8 pingat emas daripada 15 acara hampir pasti meletakkan Politeknik Malaysia juara keseluruhan sukan karate buat kali pertama sejak SUKIPT diperkenalkan pada 2012. Persaingan karate akan berakhir esok dengan dua lagi pingat emas menjadi rebutan.



Foto oleh Muhd Syafiq

Oleh Ahmad Nabil Rosedi

IIUM, UiTM Buat UPM Kempunan



UPM, SERDANG - Siapa sangka juara bertahan untuk sukan ragbi selama tiga edisi SUKIPT, Universiti Putra Malaysia (UPM) terpaksa melepaskan takhta mereka kepada Universiti Islam Antarabangsa (IIUM) yang menang 19- 17.

UPM mendahului IIUM, 17 – 14 sehingga ke minit 14 namun Khairi Md Radzi muncul wira IIUM dengan mencipta cubaan pada minit akhir permainan sekaligus menghadihkan kemenangan buat IIUM.

Sementara itu, Universiti Teknologi MARA (UiTM) menepati ramalan selaku pilihan dalam acara wanita dengan menewaskan skuad UPM, 24-0.



Foto Oleh **Muhammad Syafiq**
Aliya Nor Azman
Nurul Nadzirah



Lensa
SUKIPT
UKM, BANGI • 2018

Foto Oleh
Haris Danieal
Farah Adibah

UKM Menang lagi

Oleh Ahmad Ajwad Azman

UKM, BANGI - Tuan rumah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mengekalkan kemenangan dalam acara bola tampar pantai lelaki SUKIPT buat kali keempat berturut-turut dengan menewaskan Universiti Putra Malaysia (UPM) pada perlawanan akhir.

UKM yang dibarisi Mohamad Aizzat Mohd Zokri dan Raja Nazmi Saifuddin menang 21-15, 21-16 ke atas gandingan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Mohd Israqi Syazmi dan Muhammad Amirul Hafiz sementara gandingan Polly Sim Pei Yi dan Wong Yi Hui mengungguli acara wanita dengan menewaskan pasangan Nurul Athirah Bahari dan Nurul Husna yang mewakili Universiti Teknologi MARA (UiTM), 21-10, 21-8 bagi menyumbang emas buat UPM.



Foto oleh Aliya Nur Azman

SIDANG REDAKSI

JAWATANKUASA MEDIA, BULETIN, DAN PUBLISITI

PENASIHAT I

EN. TONY AZMAN HASSAN

PENASIHAT II

EN. PEKAN RAMLI

PENYELARAS

PN. ZUZILAWATI ZUBIR

KETUA EDITOR

EN. AHMAD FAISAL MOHAMED FIAH

KETUA WARTAWAN

ABD. HADI CHE AWANG

PEREKA GRAFIK

MUHD AZFAR
SHAHMIN AHMAD
YUSRI AIDID
NORSYAFIKA

EDITOR

PN. NURUL AISHAH ABD RAMAN
EN. DZULKARNAIN MAZLAN
EN. HAFIZ BAHAROM

EDITOR FOTO

HARIS DANIEAL

PENYELARAS PETUGAS MEDIA

KHAIRUL HANIM

Sheikh Ameer dan Tasnim Juara Tennis SUKIPT



Foto oleh Syahirah Husaini

Oleh Nurul Hanisah Baharin

UKM, BANGI - Pemain pilihan pertama acara tenis SUKIPT 2018, Sheikh Ameer Abdullah menyumbangkan pingat emas sulung buat Universiti Kuala Lumpur (UniKL) selepas mengungguli acara lelaki dengan menewaskan wakil Politeknik Malaysia, Azrul Ekhsan Azman.

Bagaimanapun Sheikh Ameer tidak diberikan laluan mudah selepas terpaksa bertarung tiga set sebelum menang 6-3, 5-7 dan 6-4 yang berlangsung selama tiga jam.

Sementara itu, Nur Tasnim Muhammad menghadaiahkan pingat emas buat Politeknik Malaysia dengan mengalahkan wakil Universiti Teknologi MARA (UiTM), Khadijah Najwa juga dalam aksi tiga set yang berkesudahan dengan 3-6, 7-6, dan 6-4 dalam pertarungan yang berlangsung selama 2 jam 30 minit.



Foto oleh
Farah Solhi

UKM, UiTM Kuasai Podium Basikal

Oleh Farah Solhi

UKM, BANGI - Pasukan tuan rumah, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) mengungguli acara berbasikal SUKIPT 2018 yang menutup gelanggang semalam.

Bagi kategori Cross Country Olympic – XCO lelaki, ketiga-tiga podium dinaiki pelumba UKM dengan menyaksikan Azli Najmi Zulkefli muncul pemenang setelah mencatat 1 jam 2.54 minit, hanya dibezakan satu saat dengan tempat kedua yang diduduki Zamirul Adlisham Zulkefli manakala Muhamad Aliff Farhan ketiga.

UiTM turut menyinar dalam acara berbasikal selepas atlet berbasikal mereka memenangi dua lagi pingat emas yang dipertandingkan.

Nur Deena Safia Nor Effandy nyata cemerlang dengan memenangi emas acara Cross Country Olympic – XCO wanita terbuka setelah mencatat 1 jam 3.22 minit meninggalkan atlet Politeknik Malaysia, Nur Assyira Zainal Abidin kedua dan Nur Azrenna Ahmad Jumry, ketiga.

Joshua Sumbang Emas Lawan Pedang

Oleh Nur Zulaiha Mohd Zulkifli

NILAI - Atlet lawan pedang kebangsaan, Joshua Koh Jie mengotakan janjinya untuk menghadiahkan pingat emas untuk Universiti Nilai (NILAI-U), apabila memenangi kategori epee lelaki.

Joshua yang beraksi di gelanggang sendiri mendapat sokongan padu penyokong sendiri dan berjaya menewaskan Muhammad Ammarluddin dengan mata 15-10 sekaligus pingat emas kedua untuk NILAI-U menerusi acara lawan pedang.

Manakala satu lagi pingat emas yang ditawarkan menerusi acara lawan pedang kategori sabre wanita menyaksikan penguasaan atlet Universiti Sunway, Natania Tan Li Suet.



Foto oleh Farah Adibah

Acara semalam turut diserikan dengan keberangkatan YAM Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhaudin Ibni Tunku Mukhriz yang sudi menyampaikan pingat kepada para pemenang.

JADUAL ACARA SUKAN

9 FEBRUARI

7.45 am GOLF TEE-OFF PESERTA (FINAL) KELAB GOLF DANAU, UKM	8.30 am BOLA TAMPAR LELAKI UTHM VS SUN-U UKM VS UPM DEWAN GEMILANG, UKM	8.00 am PETANQUE TRIPLE LELAKI, TRIPLE WANITA GLG PETANQUE, KOLEJ KERIS MAS, UKM	8.00 am OLAH RAGA FINAL:- 1000M, LOMPAT BERGALAH(W), LEMPAR CAKERA, LOMPAT KIJANG(L) STADIUM UKM, BANGI	8.30 am KRIKET (3RD PLACE) KINRARA OVAL (FINAL) OVAL KRIKET, UKM	8.30 am BOLA TAMPAR WANITA SUN-U VS UTAR UPM VS UITM DEWAN GEMILANG, UKM
9.00 am KARATE KUMETE BERPASUKAN LELAKI & WANITA (FINAL) DTAMS, UKM	8.30 am TENIS MENS DOUBLE (FINAL) GLG TENIS, UKM	8.30 am LAWN BOWLS ACARA AKHIR KOMPLEKS SUKAN LAWN BOWLS SEREMBAN 2, N.SEMBILAN	9.00 am MENEMBAK 10M 'AIR PISTOL' & 'AIR RIFLE' WANITA (FINAL) LAPANG SASAR 10M, UPNM	9.00 am BADMINTON MEN SINGLE, WOMEN SINGLE, MEN DOUBLE, WOMEN DOUBLE UPTOWN ARENA, BANGI	4.00/8.45 pm BOLA SEPAK UM VS UPSI (3RD PLACE) UITM VS UIA (FINAL) STADIUM UKM
8.30 am CATUR DEWAN KONVENSYEN KOLEJ KERIS MAS, UKM	9.00 am BOLA JARING DEWAN GLG BOLA JARING GMI, BANGI	10.00 am SKUASY GLG SKUASY, UKM	8.30 am LAWAN PEDANG PRESIDENT HALL, NILAI UNIVERSITY		

 PUNGUTAN PINGAT					
B/L.	PASUKAN	EMAS	PERAK	GANGSA	JUMLAH
1	UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA	34	31	27	92
2	UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA	29	27	31	81
3	POLITEKNIK MALAYSIA	23	14	22	59
4	SUNWAY UNIVERSITY	17	14	16	47
5	TAYLOR'S UNIVERSITY	15	11	12	38
6	UNIVERSITI MALAYA	12	10	11	33
7	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	8	4	11	23
8	UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN	7	4	9	20
9	HELP UNIVERSITY	6	1	4	11
10	UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA	4	7	8	19
*PUNGUTAN PINGAT SEHINGGA PUKUL 6 PETANG SEMALAM					